

# IQRA'@PTAR

Bil.4/2020 | APRIL 2020

أقل



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM  
Naib Canselor



DAN @PAPUAIRKUWAH, LATARIO WWW.IRKLONG.COM.MY • SOSIAL PENGETAHUAN SEKOLAH REENDAH AC

## AKHBAR HARIAN METRO

PERKHIDMATAN DIGITAL PTAR UiTM MENINGKAT

m/s: 1

## PROGRAM SELAMAT PACI MALAYSIA

TEMUBUAL EKSKLUSIF KETUA PUSTAKAWAN UiTM

m/s: 1

## ULASAN BUDAYA MEMBACA

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIGITAL  
PERPUSTAKAAN SEPANJANG PKP OLEH NAIB  
CANSELOR UiTM

m/s: 2

## TERBITAN KHAS

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIGITAL  
PERPUSTAKAAN UiTM MENINGKAT SEMASA  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

m/s: 4

## PROGRAM JOM BACA

PROGRAM JOM BACA BERSAMA DI SELURUH  
PERPUSTAKAAN UiTM

m/s: 7-8

## KISAH ANAK MAKCIK KIAH

ARTIKEL ANAK MAKCIK KIAH MENGGUNAKAN  
PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN

m/s: 20-22

## PROGRAM LIVE@PTAR

PERKONGSIAN WORK FROM HOME : NORMA  
BAHARU PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UiTM

m/s: 23

## LIPUTAN AKHBAR DI HARIAN METRO : PERKHIDMATAN DIGITAL PTAR UiTM MENINGKAT 18 APRIL 2020 (ISNIN)

Oleh: Mohd Ismail Bin Abidin. Timbalan Ketua Pustakawan



Untuk melihat kandungan asal, sila layari :  
[https://bit.ly/HarianMetro\\_Digitalservices](https://bit.ly/HarianMetro_Digitalservices)

## TEMUBUAL EKSKLUSIF KETUA PUSTAKAWAN DI PROGRAM SELAMAT PAGI MALAYSIA 20 APRIL 2020 (ISNIN)

Oleh: Mohd Ismail Bin Abidin. Timbalan Ketua Pustakawan

Ketua Pustakawan UiTM, Ts Noor Hidayat bin Adnan telah dijemput untuk di temubual di dalam program Selamat Pagi Malaysia (SPM), RTM1 pada 20 April 2020.

Ts Noor Hidayat Adnan telah membuat Perkongsian Penggunaan koleksi e-Book dan perkhidmatan digital Perpustakaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Untuk melihat rakaman semula, sila layari :  
<https://bit.ly/SPMKetuaPustakawan>



## ULASAN BUDAYA MEMBACA DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN SEPAJANG PKP OLEH NAIB CANSELOR UiTM 30 APRIL 2020

Oleh: Mohd Ismail Bin Abidin. Timbalan Ketua Pustakawan



Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, oleh Naib Canselor UiTM telah membuat rakaman ulasan budaya membaca dan penggunaan perkhidmatan digital perpustakaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi TV UiTM pada 30 April 2020. Antara intipati ulasan adalah:

1. Mewar-warkan Inisiatif Program Jom Baca Bersama selaras dengan Dekad Membaca Kebangsaan.
2. Mengalakkan Budaya membaca dikalangan warga Universiti bagi memanfaatkan masa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dan Bekerja dari Rumah.
3. Stay Connected dengan Perkhidmatan Digital Perpustakaan sebagai bahan / maklumat sokongan Online Distance Learning (ODL)

Untuk melihat kandungan asal, sila layari  
<https://bit.ly/UlasanVC>


Naib Canselor juga merakamkan penghargaan kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak di seluruh Kampus UiTM dalam menyediakan pelbagai inisiatif terutamanya melalui kempen membaca dan Perkhidmatan Perpustakaan Digital.

## PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN

SEPANJANG PKP 1 (18 MAC - 30 MAC 2020) DAN PKP 2 (1 APRIL - 14 APRIL 2020)

### PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN

PTAR menyediakan perkhidmatan digital Perpustakaan untuk sumber rujukan pelajar dan pensyarah bagi memenuhi keperluan Online and Distance Learning. Perkhidmatan ini menggunakan konsep 3A iaitu Anywhere, Anytime, Anyone yang merangkumi :



### STATISTIK PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN

#### ONLINE DATABASE



#### EBOOKS



#### EQPS



#### UITM IR



#### CHAT WITH LIBRARIAN MOOCs@PTAR LIBRARY PORTAL OPEN ACCESS DISCOVERY MYKM KHAZANAH MELAYU

Peningkatan 33.6% iaitu daripada 559 pengguna pada Fasa 1 kepada 747 pengguna pada Fasa 2 PKP.  
Peningkatan 141.2% iaitu daripada 5,370 pengguna pada Fasa 1 kepada 12,951 pengguna pada Fasa 2 PKP.  
Peningkatan 35% iaitu daripada 26,824 pengguna pada Fasa 1 kepada 36,203 pengguna pada Fasa 2 PKP.  
Penurunan 10.2% iaitu daripada 4,867 pengguna pada Fasa 1 kepada 4,369 pengguna pada Fasa 2 PKP.  
Peningkatan 32% iaitu daripada 737 pengguna pada Fasa 1 kepada 973 pengguna pada Fasa 2 PKP.  
Peningkatan 20.4% iaitu daripada 6,406 pengguna pada Fasa 1 kepada 7,710 pengguna pada Fasa 2 PKP.

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN UiTM  
MENINGKAT SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

# WELCOME TO UiTM LIBRARY

## PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



### PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN DAN/ATAU SECARA JARAK JAUH (DISTANCE LEARNING)

Shah Alam, 16 April – Selaras dengan penyampaian dan pembelajaran secara dalam talian dan/atau secara jarak jauh (distance learning) sepanjang sesi II 2019/2020 yang telah bermula pada 13.4.2020 di UiTM, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), telah bersedia sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan sokongan pembelajaran atas talian melalui Perkhidmatan Digital kepada semua warga UiTM. Penyampaian perkhidmatan digital ini boleh diakses melalui penggunaan sistem/aplikasi/repositori meliputi koleksi digital dan perkhidmatan Perkhidmatan Digital PTAR telah mencatatkan peningkatan pengguna sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 lalu. Ketua Pustakawan PTAR, Ts. Noor Hidayat Bin Adnan berkata sepanjang tempoh PKP, perpustakaan UiTM memastikan semua perkhidmatan digital berfungsi dengan baik dan dapat diakses oleh semua warga UiTM tanpa sebarang gangguan. Tambahnya lagi, Semua pegawai di 38 buah Perpustakaan UiTM di seluruh negara bersedia memberi khidmat nasihat dan konsultasi penyelidikan secara atas talian melalui perkhidmatan Chat With Librarian setiap hari kepada semua pelajar dan pensyarah.

## SISIPAN KHAS

### PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DIGITAL PERPUSTAKAAN UITM MENINGKAT SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

The screenshot shows the MOOCs@PTAR website. It features a purple header with the title 'MOOCs@PTAR' and a sub-section 'Massive Open Online Courses'. Below the header, there's a list of courses offered through MOOCs@PTAR, including 'INTRODUCTION TO LIBRARY SYSTEMS' and 'ADVANCED LITERATURE SEARCH (WON)'. A QR code is prominently displayed in the center. On the left, there's a sidebar with 'How to Register' steps and social media links.

- 01 INSTITUTIONAL REPOSITORY (UITM-IIR)
- 02 EXAM QUESTION PAPERS SYSTEM (EQPS)
- 03 E-BOOK SUBSCRIBED BY UTM
- 04 ONLINE DATABASES SUBSCRIBED BY UTM
- 05 REFERENCE MANAGEMENT SOFTWARE - ENDNOTE
- 06 REFERENCE MANAGEMENT SOFTWARE - MENDLEY
- 07 INTRODUCTION TO LIBRARY SYSTEMS
- 08 ADVANCED LITERATURE SEARCH (WON)

"Beberapa portal perkhidmatan digital yang lain juga menunjukkan peningkatan pada bulan Mac seperti Portal MyKM (Knowledge Management 129% , Portal OPAC 195% dan Portal Repozitori Khazanah Melayu 39% telah diakses sepanjang tempoh PKP ini."

PTAR telah mengambil inisiatif membangunkan portal MOOCs@ PTAR iaitu perkhidmatan pembelajaran secara atas talian bagi membantu dan meningkatkan tahap literasi maklumat warga Universiti melalui lapan (8) modul yang disediakan yang boleh diakses di <https://mooc.library.uitm.edu.my>. Selain itu, PTAR juga membangunkan portal khas Covid-19 yang boleh dilayari menerusi <http://qr.library.uitm.edu.my/covid19> . Pengguna boleh mendapatkan maklumat dan data yang sahih mengenai penularan COVID-19 serta juga artikel kajian-kajian terkini yang boleh diakses secara percuma.

Menurut Ts Hidayat, pustakawan di seluruh sistem UiTM telah memainkan peranan yang penting dalam membuat hebatan dan promosi, malah menjadi pakar rujuk dan sentiasa responsif dalam memberi khidmat nasihat dan rujukan secara terus. Ianya menjurus kepada faktor utama kepada peningkatan penggunaan Perkhidmatan Digital Perpustakaan.

Warga UiTM boleh mendapatkan khidmat nasihat dan konsultasi penyelidikan melalui kemudahan chat di :  
<https://ptar.uitm.edu.my/libchat> setiap hari dari jam 8.30 pagi hingga 8.00 malam. Melalui kemudahan ini, pelajar dan pensyarah boleh berinteraksi secara langsung dengan Pustakawan mengenai sebarang masalah berkaitan pencarian maklumat dan juga mendapatkan khidmat konsultasi Penyelidikan.

The screenshot shows the 'STAY CONNECTED' service page. It features the UiTM logo and the text 'Perpustakaan Tun Abdul Razak'. Below this, there's a section titled 'CHAT WITH LIBRARIAN' with the sub-instruction 'HAVE A QUESTION? NEED ASSISTANCE?'. It includes a QR code labeled 'SCAN TO START CHATTING' and a phone icon with the text 'PLEASE BE ADVISED THAT CHAT SERVICES WHILE OFFLINE WILL BE ATTENDED VIA REQUESTOR'S EMAIL.' At the bottom, there's a list of simple steps:

- 01 Access through the library's service portal
- 02 User Information - Key in user information
- 03 Chat with Librarian - Start your chat with our librarian

"Bagi pengguna yang telah meminjam buku sebelum ini, mereka tidak perlu bimbang dengan denda lewat memulangkan buku. Ini kerana sepanjang tempoh PKP ini, tiada denda lewat akan dikenakan bagi tempoh PKP ini. Pengguna hanya perlu memulangkannya apabila perpustakaan dibuka semula," katanya.

# PROGRAM JOM BACA

BERSAMA DI SELURUH PERPUSTAKAAN UiTM



## PROGRAM JOM BACA BERSAMA 23 APRIL 2020

OLEH:

MOHD ISMAIL BIN ABIDIN. TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN

Pada 23 April 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak diseluruh Malaysia telah menyertai dan menyokong program Jom Baca Bersama. Program ini dianjurkan sempena Hari Buku Sedunia merupakan acara tahunan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Se-Malaysia (MPAM) Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Justeru, pada pukul 11 pagi hari Khamis, 23 April 2020, semua individu dan komuniti bersama-sama MEMBACA apa jua bahan bacaan. Satu video khas telah dihasilkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat yang merakamkan program Jom Baca Bersama dan ulasan buku. Untuk melihat rakaman, boleh layari : <https://youtu.be/5Wf32IQJXt4>

# SEKITAR PROGRAM JOM BACA

BERSAMA DI SELURUH PERPUSTAKAAN UiTM



PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH  
UiTM CAW.KEDAH



PERPUSTAKAAN DATO'  
JAAFAR HASSAN, UiTM PERLIS

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sabah melibatkan anak-anak staf PTAR UiTM Sabah



PERPUSTAKAAN TENGKU  
ANIS, UiTM KELANTAN



PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN,  
UITM CAWANGAN TERENGGANU  
KAMPUS BUKIT BESI

JOM Baca  
Bersama  
Staf  
Perpustakaan

ALWAYS  
Facebook  
Myjombaca



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UiTM KAMPUS TAPAH

## KEUNIKAN JOM BACA 10 MINIT KETIKA PKP

Lokasi : UiTM Cawangan Johor

Disediakan oleh : Siti Rozana Mat Sanat

# Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia



Jawatankuasa Eksekutif Negeri  
UITM Cawangan Johor

Sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia (*World Book and Copyright Day*), aktiviti Jom 10 minit telah berjaya dilaksanakan oleh warga PTDI, UiTM Cawangan Johor walaupun sedang menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PKP bukanlah penghalang kepada semua warga UiTM Cawangan Johor untuk turut serta dalam aktiviti Jom Baca 10 Minit yang dijalankan secara serentak pada 23 April 2020, jam 11.00 pagi. Dapat dilihat keunikan jom baca 10 minit pada tahun 2020 ini apabila aktiviti dilaksanakan di rumah masing-masing bersama ahli keluarga. Turut tidak ketinggalan adalah sokongan Jawatankuasa Eksekutif Negeri dalam menyertai Jom Baca 10 Minit. Pihak Perpustakaan mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang telah menjayakan Jom Baca 10 Minit. Semoga aktiviti ini menjadi amalan dan budaya sepanjang hayat kearah menyemarakkan Dekad Membaca Kebangsaan.

## AKTIVITI CSR STAF RESIDEN KOLEJ

Lokasi : UiTM Cawangan Johor

Disediakan oleh : Mawar Noor

Puan Mawar Noor, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Dr Ismail merangkap Staf Residen Kolej telah terlibat berkhidmat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Beberapa aktiviti CSR telah dilaksanakan sepanjang tempoh PKP.



**20 MAC 2020**

Pembelian & pengagihan barang untuk pelajar yang berada di kolej kediaman C sempena Perintah Kawalan Pergerakan



**24 MAC 2020**

Memantau keadaan pelajar sewaktu sesi saringan kesihatan di kolej kediaman C.



**26 MAC 2020**

Bertugas di Bilik Gerakan bersama Tuan Mohd Falezal (Pegawai Keselamatan Kanan)



**26 MAC 2020**

Pengagihan keperluan pelajar sumbangan dari phak PEWANI UiTM Johor



**30 APRIL 2020**

Penghantaran pulang pelajar UiTM Johor Kampus Segamat ke Zon Selatan (UiTM Skudai, IPD Kota Tinggi)



**04 MEI 2020**

Proses melabel dan nyankuman bagasi pelajar bersama pihak Bomba Segamat

**PROGRAM READ@UNI: CABARAN PKP**  
**12-30 APRIL 2020**  
Platform : Online

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan



Bagi memanfaatkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020, PTAR UiTM Cawangan Melaka mengambil inisiatif mengadakan program Read@Uni : Cabaran PKP dengan tanda pagar rasmi #ptarpkchallenges #ptaruitmpk #ptaruitmelakapkp. Objektif utama adalah bagi mempromosikan perkhidmatan perpustakaan digital serta menyokong Online Distance learning kepada pengguna. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu Cabaran Resensi Buku, Di Sebalik PKP dan Digital@PTAR.

**KUIZ ONLINE DAN PAMERAN DIGITAL HIDAYAH RAMADAN**  
**27 APRIL – 15 MEI 2020**

Platform : Online



Bersempena bulan Ramadan, PTAR UiTM Cawangan Melaka ingin mengajak semua warga UiTM Cawangan Melaka bagi mengisi waktu PKP dengan menyertai Kuiz Online dan Pameran Digital Hidayah Ramadan yang berlangsung pada 27 April-15 Mei 2020. Soalan Kuiz menjurus kepada tema Ramadan yang boleh diakses di PTAR Open Access, eBooks, Online database dan Live Chat With Librarian. Secara tidak langsung, ia juga sebagai langkah mempromosikan Perkhidmatan Digital PTAR kepada pengguna perpustakaan.

## TAJUK: PROGRAM READ@UNI: JOM BACA BERSAMA, 23 APRIL 2020

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



Pada 23 April 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka telah menyertai dan menyokong program Jom Baca Bersama. Program ini dianjurkan sempena Hari Buku Sedunia merupakan acara tahunan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Se-Malaysia (MPAM) Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Justeru, pada pukul 11 pagi hari Khamis, 23 April 2020, semua individu dan komuniti adalah di pohon untuk berhenti sebentar dari melakukan apa jua pekerjaan atau aktiviti untuk MEMBACA apa jua bahan bacaan.

Seramai 162 orang yang telah daftar menyertai program ini. Di sini kami adakan secara maya dengan meminta bantuan dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah dan Bandaraya untuk membuat hebahan dengan menggunakan medium social media untuk memberitahu kepada semua pelajar yang berada di mana-mana sahaja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menyertai program 'Jom Baca Bersama'. Selain itu, kami juga menghebahkan SAVE THE DATE: PROGRAM JOM BACA BERSAMA melalui sosial media seperti Facebook, Instagram, Twitter dan juga email. Usaha ini akan kami teruskan untuk tahun akan datang dengan lebih ramai penyertaan untuk menyokong program ini.

**PROGRAM : JOM MEMBACA BERSAMA 10 MINIT**  
**23 APRIL 2020**

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



**Penglibatan Staf PTAR dan pelajar UiTM CNS Kampus Rembau**

Pada 23 April 2020, hari Khamis, jam 11 pagi telah berlangsungnya program Jom Baca Bersama 10 Minit di seluruh negara. Program ini diadakan pada setiap tahun, anjuran Perpustakaan Negara Malaysia di dalam usaha memupuk budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia. Selain, menyokong Dekad Membaca Kebangsaan. Oleh itu, warga UiTM CNS Kampus Rembau juga tidak ketinggalan merebut peluang dan memanfaatkan 10 minit dengan membaca. Pihak PTAR telah menerima banyak perkongsian gambar dari pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik. Gambar-gambar yang dikongsikan ini telah pihak PTAR muat naik di media sosial PTAR Rembau, di Facebook dan di Instagram. Ini telah membuktikan walaupun sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan, ia bukanlah halangan kepada kita untuk sama-sama menjayakan program ini.

## BOOK REVIEW BY PTAR UiTM CNS STAFF 30 APRIL 2020

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Pada 30 April 2020, hari Khamis jam 10 pagi telah diadakan aktiviti Book Review by PTAR N9 Staff dan telah menggunakan medium Google Meet. Aktiviti ini merupakan salah satu inisiatif PTAR di dalam menyokong Dekad Membaca Kebangsaan dan menyahut saranan Perdana Menteri untuk memanfaatkan masa dengan membaca sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Book review ini telah disampaikan oleh wakil-wakil PTAR dari setiap kampus UiTM CNS. Setiap pengulas diberikan masa selama 10 minit untuk membuat ulasan buku yang telah dipilih dan staf yang mengikuti boleh bertanyakan soalan berkenaan buku yang diulas. Ulasan buku yang pertama telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Wan Norizan Wan Mansor dengan judul buku Persediaan & Perancangan Persaraan : Menuju Musim Menuai Yang Akan Tiba. Ulasan kedua daripada Pembantu Pustakawan, Puan Intan Syafinaz Mohd Ali dengan judul buku Pasangan Bahagia. Manakala, Pembantu Pustakawan Kanan, Puan Nurbani Nurdin telah menyampaikan ulasan buku yang bertajuk Tirani. Pustakawan Kanan, Puan Nur Rabita Rouzan pula berkongsi ulasan beliau dengan judul buku 365 Days of Wonder dan Pustakawan, Encik Syaiful Hisyam merupakan pengulas yang terakhir dengan menyampaikan ulasan beliau mengenai judul buku A Biography of Kurt Cobain. Aktiviti ini telah berlangsung selama 2 jam dan diikuti seramai 19 staf dari 26 staf PTAR UiTM CNS. Staf yang menyertai atau mengikuti aktiviti ini akan diberikan jam latihan.

## MESYUARAT STAF PERPUSTAKAAN KAMPUS REMBAU SEPANJANG PKP 1 APRIL 2020

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Mesyuarat Staf Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM CNS Kampus Rembau secara atas talian sepanjang tempoh PKP. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 1 April 2020 dengan menggunakan medium Zoom manakala mesyuarat kedua telah diadakan pada 14 April 2020, menggunakan medium Google Meet.

READ & RELAX@PTAR TAPAH  
30 APRIL 2020

Lokasi : UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah

Disediakan oleh : Nur Aida Rousli



Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
Cawangan Perak  
Kampus Tapah

STAY CONNECTED

ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

# Read & Relax

## 1 Deskripsi

Buku ini perlu ada oleh golongan remaja mahupun dewasa kerana ianya cukup menarik dan sesuai dibaca.

## 2 Kandungan

Buku ini menggariskan cara dan strategi bagaimana untuk menjadi seorang juara di samping turut memasukkan elemen contoh keperibadian beberapa tokoh terkenal

## 3 Teknik Penyampaian

Penulis menggunakan kaedah menceritakan pengalaman dan sejarah hidup diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling untuk menguatkan lagi topik dan hujah-hujah beliau.

## 4 Rumusan

Buku ini menyelitkan unsur-unsur keislaman dan pedoman kepada para pembaca dan menjadikan ianya lebih menarik untuk dibaca



HIZAMNUDDIN AWANG  
@ Web Sutera

Read & Relax@PTAR Tapah adalah merupakan penerbitan mengenai ulasan buku terpilih bagi menyokong Program JOM Baca Bersama anjuran Perpustakaan Negara Malaysia yang berlangsung pada 30 April 2020 di seluruh negeri.

Tajuk buku yang terpilih pada kali ini adalah "Berfikir Gaya Champion" oleh **Hizamnuddin Awang @ Web Sutera**. Buku ini ditulis dengan bahasa santai namun penuh tarbiah. Sebuah buku yang sarat dengan kisah inspirasi untuk membina semangat juang dalam diri setiap orang khasnya umat Islam. Menjadikan Rasulullah SAW teladan champion sepanjang zaman. Mengajak pembaca bangkit untuk memperbaiki diri, kerjaya dan seterusnya rezeki. Mengajak pembaca berani mencuba. Mengajak pembaca mengubah persepsi masyarakat sekeliling.

**PROGRAM : JOM MEMBACA BERSAMA 10 MINIT 2020**  
**23 APRIL 2020**

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



**Penglibatan Staf PTAR UITMCPP dan Pengurusan Tertinggi UITMCPP**

Sempena dengan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, acara Jom Membaca Bersama 10 Minit telah diadakan secara serentak di Malaysia. PTAR UITMCPP juga tidak ketinggalan untuk turut serta di dalam program ini. Memandangkan Malaysia masih di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19, PTAR UITMCPP telah mengadakan sesi bacaan 10 minit menerusi aplikasi Google Meet bersama 23 orang staf PTAR UITMCPP termasuk Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Hayati Mokhtaram.

Selain daripada staf PTAR, program ini juga mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada Pengurusan Tertinggi UITMCPP termasuk rektor kampus, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hisbany Mohd Hashim dan juga rakan-rakan staf daripada bahagian lain. Amatlah diharapkan semangat membaca ini tidaklah hanya disemarakkan pada bulan-bulan tertentu sahaja tetapi dipanjangkan sepanjang masa, di mana juga kita berada.

## KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT KEPADA PELAJAR : 6 - 16 MAC 2020

Lokasi : Pusat IT, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Kuala Pilah

Disediakan oleh : Safizan Sapian



Kelas Kemahiran Maklumat telah diberikan kepada pelajar dalam 3 masa iaitu pada pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi, 10.30 pagi hingga 12.30 pagi dan 2.30 petang hingga 4.30 petang dengan kehadiran seramai 25 orang pada satu masa. Kelas Kemahiran Maklumat telah disampaikan oleh En. Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan dan En. Mohd Rusedzwan Mohd Idris, Pembantu Pustakawan. Objektif kelas ini adalah untuk memberi pengetahuan mengenai pangkalan data atas talian yang telah di langgar oleh pihak Perpustakaan dan mengajar bagaimana untuk menggunakan software Endnote dan mendeley.

## SESI CHAT TIME PTAR STAFF WITH PENOLONG REKTOR UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU : 5 MAC 2020

Lokasi : Bilik Mesyuarat PTAR Kampus Rembau

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Pada 5 Mac 2020, Khamis yang lalu telah berlangsung Sesi Chat Time Staff PTAR Kampus Rembau with Penolong Rektor UiTM CNS Kampus Rembau, Dr. Siti Faidul Maisarah Abdullah. Objektif aktiviti ini diadakan adalah untuk berdiskusi, bertukar pendapat dan mendapatkan maklumbalas daripada Penolong Rektor dengan cara yang lebih santai. Ini merupakan inisiatif pertama PTAR di mana staf dapat mengutarakan cadangan, idea, pandangan masing-masing dengan berjumpa secara lebih dekat bersama dengan Penolong Rektor. Pengisian aktiviti ini bermula dengan pembentangan KPI PUITM 2020, program-program Read@Uni PTAR Kampus Rembau 2020, laporan aktiviti sepanjang tahun 2019, projek atau perancangan PTAR di beberapa ruang di dalam PTAR serta mendapatkan pandangan, cadangan dan harapan Penolong Rektor terhadap perkhidmatan PTAR.

PROGRAM LIBRARY INFOTAINMENT WEEK  
19-30 APRIL 2020

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah



Program ini dianjurkan oleh Perpustakaan Sultan Badlishah sebagai inisiatif semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara aktiviti kuiz yang dilaksanakan adalah Know-It-All: Library Scavenger Hunt 19, Fun Quizizz@Tele , PSB Spelling Bee. Objektif minggu infotainment ini dilaksanakan adalah bertujuan memberi pendedahan khususnya kepada pelajar dan mempergiatkan pengguna dalam menggunakan aplikasi digital perpustakaan seperti OPAC, Online Database, Chat with librarian dan juga pengetahuan perkhidmatan perpustakaan yang lain. Aktiviti ini seterusnya dapat meningkatkan komunikasi dengan pengguna dengan menggunakan pelbagai medium media sosial seperti facebook, instagram dan juga telegram selain Group WhatsApps. Program ini telah disertai oleh 640 pelajar.

## PROGRAM "READ@HOME" BERSAMA PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG 1 APRIL 2020

Disediakan oleh : Norfitriah Mat Seman



### PROGRAM "READ@HOME" BERSAMA PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2 iaitu 1 April 2020 sehingga tamat PKP Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Program "Read@Home" secara atas talian di lokasi atau kediaman masing-masing dengan hanya kongsikan bahan bacaan di media sosial Perpustakaan Al-Bukhari (PAB).

Objektif program sebegini diadakan adalah tidak lain untuk sentiasa menyokong dalam galakan membaca warga UiTM Cawangan Pahang khususnya kepada pelajar-pelajar yang menjalani PKP di Kolej Kediaman Universiti. Program "Read@Home" di pecah kepada 2 kategori iaitu "Read@Home" dan "Read@College". Sambutan mengalakkan diberikan oleh pelajar-pelajar juga staf UiTM Cawangan Pahang.

## PROGRAM "READ E-BOOK & WIN YOUR TEALIVE" BERSAMA PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG 17 APRIL 2020 - 19 APRIL 2020

Disediakan oleh : Norfitriah Mat Seman

Read e-BOOK  
&win your TEALIVE

SPECIAL  
KTG and KMK  
STUDENTS IN CAMPUS ONLY

<https://bit.ly/ebookPAB>

#laysaleforreadatkhaling #laysaleonsocial #tealivepahang #tealive #pahang #membaca #kolejkediaman

Pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UiTM Cawangan Pahang bagi memupuk minat pelajar-pelajar menggunakan koleksi Perpustakaan Digital secara tidak langsung dapat menambah ilmu bagaimana langkah-langkah untuk mendapatkan bahan bagi menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah.

Program ini merupakan salah satu program galakan membaca dan istimewa dianjurkan khas untuk pelajar yang masih berada di kolej kediaman seperti Kolej Tok Gajah (KTG) dan Kolej Mat Kilau (KMK) bermula 17 April 2020 hingga 19 April 2020. Pemenang telah diumumkan dan hadiah telah diberikan kepada pemenang program.

## KISAH

### EPISOD 1

# ANAK MAKCIK KIAH

Nabeel Bersama Rakan-Rakan Menggunakan Perkhidmatan Digital  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

## O1 Akses Koleksi ebook

Nabeel mengisi masa luang dengan mengakses koleksi e-Book perpustakaan bagi menambah pengetahuannya di <http://ebook.library.uitm.edu.my>.

Yang menariknya, lebih dari 17 ribu buah buku yang boleh dibaca dan dirujuk secara online.



## O3 Kuiz-kuiz Perpustakaan

Priscillia mahasiswa dari Sabah yang tidak balik ke kampung, memanfaatkan masa tinggal di kolej dengan menjawab kuiz-kuiz yang disediakan oleh Perpustakaan. Ianya bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuannya, namun berpeluang memenangi hadiah yang eksklusif.



Beliau telah pun menjawab kuiz dari pangkalan data <http://qr.library.uitm.edu.my/scientencedirectquiz2020>

## O2 Muat turun Perisian

Nurul Nazreen pula, rakan nabeel, mahasiswa tahun akhir yang sedang menyiapkan Final Year projek, membuat pencarian artikel di e-Resources <http://ezaccess.library.uitm.edu.my>.

Nurul juga memuat turun Software EndNote yang disediakan secara percuma bagi pengurusan rujukan FYPnya.



## O4 Seronoknya EQPS

Atiff, Junior Nabeel yang baru mendaftar sebagai mahasiswa UiTM, sangat teruja dengan perkhidmatan digital EQPS, iaitu database koleksi kertas soalan peperiksaan akhir yang boleh diakses melalui <https://koleksi.uitm.edu.my/eqps/>.



Atiff boleh mendapatkan gambaran awal jenis-jenis soalan peperiksaan akhir yang bakal dihadapinya kelak.



## O5 Ada Soalan? Tanya Kami

Kalau ada apa-apa persoalan dalam pengaksesan Perkhidmatan Digital, Anak Mak Cik Kiah, Nabeel dan kawan-kawan boleh bertanya terus dengan Pakar Rujukan PTAR melalui kemudahan chat di : <https://ptar.uitm.edu.my/libchat/>



## KISAH

### EPISOD 2

# ANAK MAKCIK KIAH

**Nabeel Bersama Rakan-Rakan Menggunakan Perkhidmatan Digital**  
**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)**

### EPISOD 2

#### 01 Bantuan Internet kepada Mahasiswa

Makcik Kiah, Pak Mail, En Johnny dan ibu bapa mahasiswa kategori B40 tidak perlu risau akan kekurangan dia untuk membelikan data internet bagi anak-anak mereka yang akan belajar secara Online Distance Learning yang bermula mulai 13 April 2020. Ibu bapa termasuk juga dengan pengaksesan Perpustakaan Digital Perpustakaan ini kerana melalui Pelajian Bantuan Kewangan bagi Kemudahan Pembelian Data Internet bagi Pelajar UiTM dalam Kalangan B40, anak Makcik Kiah dan rakan-rakannya diberi bantuan sebanyak RM30 bagi mereka membeli data internet. Makcik Kiah sungguh gembira dan terharu dengan bantuan tersebut.



#### 02 Meneroka Perkhidmatan Digital PTAR

Mak Cik Kiah, ibu Nabeel suka kan juga dengan Perpustakaan dan beliau meminta Nabeel untuk menunjukkan Perkhidmatan Digital yang ditawarkan oleh Perpustakaan. Mereka bersama-sama meneroka perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan dengan melayari video eLibrary guides <https://library.uitm.edu.my/digital-initiative/collection>



#### 03 Manfaat dari bahan digital

Pak Mail, ayah kepada Anees dan Naim, pelajar dari jurusan Perladangan dan Agroteknologi juga mendapat manfaat dan pengetahuan tambahan mengenai aktiviti dan teknologi terkini berkaitan dengan industri pertanian dan Perladangan melalui Portal Plantation and Agro Local Content Hub yang dibangunkan oleh Perpustakaan di <http://agro.library.uitm.edu.my/>. Portal ini menghimpunkan pelbagai kandungan tempatan samsada inovasi perladangan, artikel penyelidikan, buku, majalah dan pelbagai lagi maklumat berkaitan industri Perladangan dan Agroteknologi di Malaysia. Bukan sahaja Anees dan Naim yang boleh menambah pengetahuan, Pak Mail juga dapat manfaat tersebut.



#### 04 Pilih maklumat yang sahih

Keluarga Atiqah, pelajar dari Fakulti Sains Kesihatan yang sentiasa risau dengan keadaan penularan Covid-19, seringkali mendapat maklumat tidak benar melalui whatsapp dan Facebook. Namun Atiqah, seorang pelajar yang bijak dan seringkali mengakses maklumat di portal perpustakaan, berkongsi portal yang dibangunkan oleh PTAR khusus yang mengumpulkan maklumat terkini dan sahih berkaitan penularan COVID-19 di Malaysia yang boleh di akses menerusi <http://qr.library.uitm.edu.my/covid19>. Selain itu, Atiqah juga dapat menambah pengetahuannya melalui kajian-kajian terkini yang boleh diakses secara percuma melalui pautan didalam portal ini.

#### 05 Ada Soalan? Kami rujuk Pustakawan

Akhirnya, bukan Nabeel dan rakan-rakannya sahaja yang mendapat manfaat dari Perkhidmatan Digital Perpustakaan, Makcik Kiah, Pak Mail dan semua ahli keluarga mahasiswa UiTM juga boleh mengakses pelbagai Perkhidmatan Digital Perpustakaan. Jika mereka ada apa-apa persoalan dalam pengaksesan Perkhidmatan Digital, Nabeel dan rakan-rakannya boleh bertanya terus dengan Pakar Rujukan PTAR melalui kemudahan chat di : <https://ptar.uitm.edu.my/libchat>.



## EPISOD 3

### KISAH

# ANAK MAKCIK KIAH

## NABEEL BERSAMA RAKAN-RAKAN MENGGUNAKAN MOOCs@PTAR - EPISOD 3

Ajarni di llah

### O1 Perutusan Khas COVID-19 pada 10 April 2020

Perdana Menteri Malaysia – Tan Sri Muhyiddin Yaasin telah mengadakan Perutusan Khas COVID-19 pada 10 April 2020. Makcik Kiah, Pak Mai, En Johnny dan ibu bapa mahasiswa UiTM berdebar-debar mendengar pengumuman perutusan baru lebih-lebih lagi sama ada Perintah Kawalan Pergerakan akan dilanjutkan atau ditamatkan. Ini kerana mereka bimbang akan keselamatan dan kesihatan anak-anak mereka jika terpaksa pulang ke kampus jika PKP ini ditamatkan. Alhamdulillah, mereka boleh menaik naik nafas lega kerana PKP fasa 3 dilanjutkan sehingga 28 April 2020.



### O2 Perkhidmatan Digital PTAR

Nabeel juga telah memaklumkan pada Mak Cik Kiah, pembelajaran secara online akan bermula pada 13 April 2020.

Fakulti Nabeel, telahpun menyediakan garis panduan pembelajaran secara online untuk pelajar-pelajar. Antara sokongan kepada pembelajaran adalah termasuk Perkhidmatan Digital Perpustakaan. Pelajar dan pensyarah boleh mendapatkan maklumat bahan pengajaran dan pembelajaran melalui perkhidmatan perpustakaan digital yang boleh dicapai melalui pautan berikut-

Portal Digital Perpustakaan : <https://library.utm.edu.my> | Pangkalan Data Atas Talian : <http://ezaccess.library.utm.edu.my/login> | Chat With Librarian : <https://ptar.utm.edu.my/libchat> | MOOCs@PTAR : <https://mooc.library.utm.edu.my/> | Portal Plantation and Agro Local Content Hub : <http://ilago.library.utm.edu.my/> | Koleksi e-book: <http://ebook.library.utm.edu.my/> | Koleksi Kertas Peperiksaan Akhir (EQPS): <https://koleksi.utm.edu.my/eqps/> | Koleksi Institusi Repotori: <http://ir.utm.edu.my/> | OPAC : <https://library.utm.edu.my/opac.html> | Semakan & Pembaharuan pinjaman bahan: <https://wits.utm.edu.my/opac/>

### O3 Menariknya MOOCs@PTAR

Makcik Kiah bersama Nabeel meneliti satu-persatu perkhidmatan Digital Perpustakaan yang ditawarkan dan tertarik dengan MOOCs@PTAR. Nabeel menerangkan MOOCs adalah singkatan kepada Massive Open Online Course. MOOCs@PTAR adalah konsep pembelajaran secara online yang mengajari pelajar kemahiran mendapatkan maklumat dan menggunakan sumber maklumat yang disediakan oleh perpustakaan dengan cepat dan tepat. Ianya boleh diakses melalui pautan <https://mooc.library.utm.edu.my/>. Jika semester berjalan seperti biasa, Kemahiran pencarian maklumat ini dilaksanakan didalam program Information Literacy Skill atau Kelas Kemahiran Maklumat.



### O4 Lapan Modul MOOCs@PTAR

Nabeel pun mencuba meneroka modul-modul yang ditawarkan didalam MOOCs@PTAR. Setelah memasukkan ID pelajar dan katalaluan (IC atau No. Pasport), Nabeel meneroka satu persatu dan mendapati MOOCs@PTAR sangat mudah digunakan. Nabeel berkongsi modul-modul ini dengan rakan-rakannya didalam group whatsapp mereka. Nabeel menjelaskan sebanyak 8 Modul MOOCs@PTAR yang ditawarkan, iaitu :

1. UiTM Institutional Repository Module | 2. Exam paper (EQPS) Module | 3. PTAR eBook Collection Module | 4. PTAR Online Database (e-Resources) module | 5. Modul pengurusan rujukan menggunakan software Endnote | 6. Modul pengurusan rujukan menggunakan software Mendeley | 7. Modul sistem perpustakaan iaitu My Library Account | 8. Modul Pencarian data secara lebih terperinci iaitu Advance Literature Search – Web Of Science (WOS)

### O5 Ada Soalan? Kami rujuk Pustakawan

Semasa perbincangan didalam group whatsapp mengenai penggunaan MOOCs@PTAR ini, Shameel, Asha, Nordi dan beberapa rakan mereka bertanya jika mereka menghadapi masalah mengakses atau ingin bertanya lanjut bagaimana mereka ingin mendapatkan bantuan. Nabeel memaklumkan, Pakar Rujukan PTAR sentiasa bersedia membantu mereka melalui kemudahan Chat di : <https://jutor.utm.edu.my/libchat>. Kemudahan ini beroperasi hari Isnin-Jumaat dari jam 8.30 pagi sehingga 8.00 malam | Sabtu & Ahad dari jam 8.30 pagi sehingga 5.00 petang, dan Nabeel sendiri telah pun memanfaatkan kemudahan ini.



# BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



## ALAWATAN AKADEMIK SEKOLAH KEBANGSAAN JENGKA 18

Tarikh : 4 Mac 2020

Tempat : Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

*Lawatan sambil belajar yang telah disertai seramai 17 orang Pengawas Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan tiga (3) orang guru pengiring daripada Sekolah Kebangsaan Jengka 18, Bandar Tun Abdul Razak Jengka ke Perpustakaan Al-Bukhari (PAB),UiTM Cawangan Pahang. Taklimat perpustakaan disampaikan oleh Puan. Nurfarawahidah Bt Badruesham, Pustakawan Kanan dan En. Ahmad Fadhil, Pembantu Pustakawan. Pelbagai aktiviti ilimiah ("fun learning") telah disediakan agar dapat menarik minat pelajar ke arah membaca sebagai budaya hidup.*

## PAMERAN MAYA : RAMADHAN NEW NORMAL 2020

### 30 APRIL 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

The banner features the Universiti Teknologi MARA logo and the Perpustakaan Tun Abdul Razak logo. The text "STAY CONNECTED ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE" is displayed above the exhibition title. The main title "Pameran Maya Ramadhan New Normal 2020" is in large, bold letters, with a subtitle "- STAY CONNECTED" below it. A QR code is visible on the right side. The background image shows a person's hands holding an open Quran. The exhibition dates "28 April hingga 24 Mei 2020" are at the bottom left. Social media links for library.uitm.edu.my, libraryuitm, and libraryuitm are at the bottom right.

### RAMADHAN NEW NORMAL 2020

Sempena bulan Ramadhan Al Mubarak, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah menyediakan pameran maya bertajuk: **Ramadhan New Normal 2020**.

Antara informasi yang boleh didapati di pameran maya ini adalah pengertian puasa, ayat –ayat Quran berkaitan puasa, tips ibadah semasa PKP, video berkaitan Ramadhan New Normal 2020 dan lain-lain. Informasi lain akan dikemaskini dari masa ke semasa.

Sila imbas kod QR atau layari di pautan: <https://virtualexhibitionptar.blogspot.com/> untuk mengakses bahan pameran.

## JOM PINJAM BUKU

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

The banner features the Universiti Teknologi MARA logo and the Perpustakaan Tun Abdul Razak logo. The text "STAY CONNECTED ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE" is displayed above the service title. The main title "JOM PINJAM BUKU" is in large, bold letters, with a subtitle "PENDIDIKAN ROLAH MEMINJAM BUKU BER CETAK SEPAJANG TEMPORI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)" below it. Below this, there are three steps: 1. Layari laman web [library.uitm.edu.my](http://library.uitm.edu.my), 2. Isi borang permohonan [AmalanUntukPinjamBuku](http://tinyurl.com/y6qzv32r), and 3. Menghubungi Penggal Penerjemahan Untuk Permohonan. A QR code is also present. The bottom of the banner contains small text and logos for social media and the university.

Bagi menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan sepanjang tempoh PKP, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah membuat inisiatif khas bagi perkhidmatan Pinjaman buku bercetak. Semua warga Universiti di alu-alukan meminjam buku berdasarkan garispanduan dan tatacara yang telah ditetapkan. Sila imbas tatacara perkhidmatan pinjaman buku bercetak untuk maklumat terperinci.